

KEGIATAN PERUSAHAAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI TERENGGANU 1800-1941

Norazilawati Abd Wahab¹
Arba'iyah Mohd Noor²

Abstract

This paper discusses the achievement of the Malay community in industrial activities in Terengganu from 1800 until 1941. Industrial activities, such as textile, copper, copra and shipbuilding industries will be discussed in order to identify which of these economic industries could be considered as the most significant in Terengganu during the said period. Early discussion on the Malay economy prior to the 19th century is significant to illustrate the actual economic scenario until the 20th century. During that period, the Terengganu government was very efficient in creating and using its own system of currency and weights. The government even engaged in trading and industrial activities, for example, handicrafts and shipbuilding. Westerners even named Terengganu as the "Birmingham of the Peninsular". By the 20th century, the Terengganu government began to focus on developing industrial activities by establishing several entities such as the Terengganu Arts and Craft Society (TACS), the Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA) and the British Empire Exhibition (BEE). In summary, the efforts made to commercialize economic activities could be considered as essential measures taken by the government in forging economic development during that time.

Keywords: Terengganu, Malay community, handicrafts, shipbuilding, Malay economy

Pengenalan

Sejarah perkembangan kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu bukanlah suatu perkara baru berlaku malah perkembangannya sering kali dikaitkan dengan kemakmuran dan keunikan ekonomi itu sendiri. Di Terengganu, sekitar abad ke-19 sehingga menjelang abad ke-20 menyaksikan beberapa perubahan ekonomi mula berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan. Sama ada golongan elit Melayu mahupun pegawai British, mereka dilihat seiring bekerjasama dalam memajukan kegiatan-kegiatan ekonomi termasuk kegiatan perusahaan.

Kegiatan perusahaan yang merangkumi perusahaan tekstil, tembaga, perahu dan juga kelapa kering merupakan idea dan seni yang terhasil dalam kalangan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Melalui inspirasi seni inilah akhirnya menyaksikan peralihan bentuk aktiviti ekonomi masyarakat Melayu daripada kegiatan perdagangan, pertanian dan perikanan kepada ekonomi berbentuk perusahaan. Keadaan ini secara langsung mendorong aktiviti budaya Melayu tersebar luas sehingga membawa kepada

gelaran “Birmingham of the Peninsula” dalam kalangan pengkaji barat sekitar abad ke-19 kerana berjaya menghasilkan produk-produk yang bermutu tinggi.

Keadaan ekonomi mula mengalami perubahan yang lebih besar setelah hasil perusahaan tangan mula digunapakai dalam kehidupan seharian sehingga mampu memperkukuhkan kedudukan kewangan negeri. Dengan pengurusan serta pengetahuan yang baik dalam kalangan pemimpin, berjaya memperlihatkan bahawa itulah ciri-ciri kejayaan yang sebenar terhadap sesebuah negeri di Tanah Melayu. Oleh itu, dalam konteks ini perkembangan kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu dari tahun 1800 sehingga 1941 akan dibincangkan secara lebih lanjut untuk meneliti sejauh manakah ekonomi perusahaan yang dijalankan mampu membentuk ciri-ciri komodenan ekonomi Melayu sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua.

Konsep Perusahaan

Perusahaan merujuk kepada aktiviti penghasilan sesuatu barangan secara besar-besaran yang melibatkan kerajinan tangan atau kerja tangan (bahan tenunan), tekstil, tembaga, songket dan sebagainya oleh sesuatu golongan masyarakat setempat. Aktiviti perusahaan ini turut memberikan pulangan yang sangat lumayan kepada orang ramai walaupun pada peringkat awal, kegiatan perusahaan hanyalah sekadar dijalankan secara kecil-kecilan. Ini kerana, modal atau alat kelengkapan yang digunakan untuk menjalankan perusahaan hanyalah menggunakan peralatan yang *simple* dan banyak menggunakan kerja tangan. Walaupun hanya menggunakan peralatan yang *simple*, namun masyarakat yang terlibat dalam kegiatan perusahaan masih mampu mengeluarkan produk milik sendiri untuk dipasarkan ke dalam mahupun ke luar negeri.³

Berdasarkan Kamus Dewan, usahawan pula adalah orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan atau dipanggil juga sebagai pengusaha. Melalui proses perusahaan inilah, membawa kepada wujudnya sifat-sifat keusahawanan dalam kalangan masyarakat Melayu setelah produk-produk pengeluaran mampu dipasarkan sehingga ke negara luar seperti London, Singapura, Siam dan sebagainya. Menurut Schumpeter, kegiatan keusahawanan yang berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan merupakan satu bentuk kegiatan yang merangkumi usaha yang membawa kepada satu bentuk pembaharuan termasuklah pengenalan produk-produk baru.⁴

Umumnya, sebahagian besar penduduk Terengganu terdiri daripada petani, nelayan dan juga pedagang. Kebanyakan mereka memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap ketiga-tiga kegiatan tersebut untuk dijadikan sebagai pelengkap kehidupan sosial mereka. Apabila dirungkai kembali sejarah berlakunya peralihan ekonomi dari satu kegiatan kepada satu kegiatan yang lain, peralihan tersebut dikaitkan dengan kesan penjajahan sesebuah negara yang mempunyai kuasa besar pada ketika itu. Penjajahan dikatakan berjaya mengubah sebahagian besar status ekonomi daripada bentuk ekonomi subsisten kepada ekonomi yang berbentuk bahan galian, perikanan dan pertanian. Dalam sifatnya sebagai komuniti petani dan nelayan, terdapat sebilangan daripada anggota masyarakat yang terlibat dengan pelbagai jenis kegiatan lain yang dapat diistilahkan sebagai perusahaan. Sebagai contoh pada 1936, kawasan perkampungan nelayan yang kebanyakannya didiami oleh masyarakat Melayu mula mengetahui teknik-teknik pengeluaran tekstil yang lebih baik dan mereka mula mencari kawasan-kawasan penting untuk dijadikan sebagai pusat untuk menjual hasil-hasil tekstil:

Weaving in Terengganu is generally associated with the fishing population, yet I am assured that in the entire coastal district of Bachok for instance there is now no weaving. From personal inquiries of made by myself in a fishing village near Kota Bharu dan Terengganu that weaving has ceased so recently that looms are still stored under some of the house. I was informed that the reasons why weaving had stopped was that the competition of cheap imported cloth was too great.⁵

Struktur ini berkekalan sehinggalah kedatangan pihak kolonial kerana sepanjang tempoh tersebut, masih banyak perubahan ekonomi yang belum diterokai. Bentuk ekonomi prakolonial itu hanya berubah apabila kemaraan ekonomi kapitalis di Terengganu.⁶

Peralihan ekonomi inilah akhirnya membawa satu bentuk kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu kerana pengusaha, peniaga dan juga pedagang mempunyai hala tuju yang sama sehingga mereka mampu menggabungkan sifat-sifat manusia yang mempunyai fokus kepada kemajuan untuk mengeluarkan sumber yang mampu membawa keuntungan sehingga mereka turut digelar sebagai usahawan.⁷ Ciri-ciri usahawan yang terdapat kalangan masyarakat Melayu yang akhirnya berjaya membentuk mereka ke arah satu bidang baru iaitu bidang ekonomi yang berbentuk perusahaan.

Kegiatan Ekonomi Terengganu Abad Ke-18

Negeri Melayu merupakan sebuah kerajaan kecil yang terletak di muara-muara sungai dan pengurusan ke atas rakyat serta perdagangan banyak dikendalikan melalui sungai atau persisiran laut. Sebelum abad ke-19, struktur ekonomi masyarakat Melayu banyak berunsurkan pertanian dan juga tanaman makanan. Walau bagaimanapun, penglibatan ekonomi masyarakat Melayu agak berbeza di beberapa buah negeri di Tanah Melayu iaitu Kedah, Perak dan juga Terengganu, yang banyak memfokuskan kegiatan ekonomi mereka terhadap ekonomi *maritime* dan *reverine*.⁸

Ekonomi *reverine* yang memberikan tumpuan terhadap kegiatan berasaskan perikanan dan pertanian di muara sungai merupakan salah satu punca pendapatan utama kepada masyarakat pada ketika itu. Di Terengganu,⁹ kegiatan perikanan turut mempunyai rangkaian perhubungan dengan kegiatan ekonomi *maritime*, yang mengutamakan kegiatan perdagangan. Ini kerana, kewujudan 14 buah lembah sungai di Terengganu turut digunakan oleh masyarakat tempatan untuk menjalankan kegiatan ekonomi *maritime*. Malah, kepentingan sungai turut dianggap sebagai "lebuhraya ketamadunan Tanah Melayu" pada ketika itu.¹⁰ Perkara ini seolah-olah mempunyai perhubungan yang ketara apabila kedua-dua kegiatan ekonomi tersebut digunakan secara serentak. Dengan kehebatan Terengganu sebagai pusat perikanan terpenting, secara tidak langsung menjadikan ekonomi *reverine* berkembang dengan lebih mudah.¹¹

Melalui kebergantungan terhadap kedua-dua sumber ekonomi tersebut tidak bermakna mereka tidak mempunyai satu sistem ekonomi yang seimbang untuk digerakkan sebagai sebuah jentera bagi menjamin kehidupan yang lebih selesa. Kesan daripada ekonomi perdagangan, memperlihatkan wujud suatu bentuk perubahan terhadap struktur ekonomi masyarakat.¹² Kemajuan ini dapat dibuktikan dengan perakuan yang dilakukan oleh Kapten Joseph Jackson terhadap pelabuhan Terengganu sekitar 1764. Beliau berpendapat, perdagangan di Kuala Terengganu mempunyai taraf kemajuan yang tinggi dan pesat serta lebih maju daripada perniagaan yang dijalankan

di Pantai Koromandel atau Malabar.¹³ Beliau turut memperjelaskan bahawa keunggulan sesebuah pelabuhan adalah bergantung dan disokong dengan kebijaksanaan para sultan dan pembesar Melayu. Malah, masyarakat Melayu turut menerajui kegiatan perdagangan sama ada di pelabuhan sendiri mahupun di pelabuhan-pelabuhan lain sekitar Kepulauan Melayu.¹⁴

Pada pertengahan abad ke-18, pelabuhan Terengganu telah digelar sebagai sebuah pelabuhan yang terpenting dan teratur oleh Syarikat India Timur. Malah, pelabuhan ini juga berusaha untuk mencari peluang-peluang yang besar untuk menjalinkan hubungan perdagangan dengan Negara China.¹⁵ Sejalan dengan perkembangan yang dibawa, para pedagang daripada pelbagai bangsa mula tertumpu ke Terengganu sehingga berjaya menjadikan negeri tersebut sebagai sebuah pelabuhan *intreport* terpenting pada ketika itu. Selain itu, Terengganu turut dilihat hebat dari kaca mata masyarakat luar kerana mampu membekalkan komoditi penting seperti sutera-sutera yang halus buatannya.¹⁶ Satu unsur penting yang turut menyokong pembangunan *maritime* dan *riverine* di Terengganu ialah hubungan di antara pedagang Terengganu dengan pedagang Islam terutamanya dari Arab dan juga China.¹⁷ Pergerakan secara perlahan terhadap ekonomi perikanan, pertanian serta perdagangan kepada kegiatan perusahaan banyak berpunca daripada faktor musim dan perubahan alam semula jadi. Oleh sebab tidak mampu menjalankan kegiatan tersebut ketika musim tengkujuh, mereka mula beralih kepada kegiatan lain seperti pertukangan tangan yang mampu dijual atau sebagai kegunaan sendiri.¹⁸ Kehebatan pelabuhan Terengganu turut mencapai kemajuan setelah eksport kain-kain tenunan mula dijalankan ke seluruh Alam Melayu sekitar abad ke-18.¹⁹ Sejalan dengan itu, sifat-sifat keusahawanan mula menular dalam kehidupan seharian para pedagang apabila komoditi yang dihasilkan turut dieksport sebagai salah satu keperluan harian. Melalui gerak kerja tersebut, secara langsung dapat menyediakan para pedagang dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi yang membolehkan mereka bijak mengenal pasti peluang-peluang perniagaan yang wujud.

Pada abad ke-18 juga, ekonomi perusahaan mula menempa nama di negeri-negeri pantai timur. Hal ini akhirnya membawa satu bentuk perubahan apabila kegiatan ekonomi selain perdagangan iaitu pertanian dan perikanan mengalami pasang surutnya ketika menjelang perubahan musim. Setelah perkembangan perusahaan terbentuk dengan proses transisi,²⁰ penjana produk mula diatur untuk pengeluaran yang lebih besar oleh golongan pemerintah sehingga Terengganu diiktiraf sebagai sebuah negeri yang mampu membekalkan produk industri kedua terpenting kepada negara luar mahupun Tanah Melayu sendiri.²¹

Sultan Terengganu sejak zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin Shah I (1708-1733)²² merupakan penggerak pembangunan perdagangan, industri, pertukangan, pengeluaran mata wang dan infrastruktur. Pada ketika itu, kegiatan keusahawanan dalam kalangan masyarakat Melayu dijalankan secara aktif terutamanya kegiatan perusahaan tembaga. Ketika zaman baginda, terdapat dua golongan tukang mahir dalam pertukangan tembaga. Antara mereka itu ialah lapan puluh keluarga Patani yang datang ke Terengganu dalam rombongan pengiring untuk upacara pertabalan baginda pada 1708.²³ Seni pertukangan tembaga dalam kalangan masyarakat Melayu banyak dipengaruhi oleh mereka sehingga Terengganu berjaya memasuki fasa baru tercetusnya ekonomi perusahaan tembaga. Oleh itu, lahirnya golongan pengusaha tembaga ketika pemerintahan baginda secara langsung mampu membangunkan ekonomi setempat dan seterusnya kepada negeri sendiri.

Kreativiti yang terdapat dalam kalangan pengusaha Melayu tradisional pada ketika itu memperlihatkan bahawa mereka mampu menjana sesuatu yang baru serta asli dengan hanya menggunakan daya imiginasi, pengaruh persekitaran dan pola budaya masyarakat tempatan yang lain. Sebagai contoh, untuk menghasilkan sesuatu barangan tembaga puteh, seseorang pengusaha memerlukan daya cipta yang amat tinggi. Ini kerana, setiap acuan tembaga akan disukat dengan sukatan yang tepat bagi menghasilkan jenis tembaga yang mampu menepati citarasa pengguna. Acuan yang dihasilkan dengan lima lapisan, dibakar di dalam tanah dengan kedalaman 2½ kaki serta memakan masa 20 hari untuk menyiapkannya secara langsung mampu memperlihatkan bahawa pengusaha Melayu sememangnya mempunyai daya inovasi teknikal²⁴ yang tinggi pada ketika itu.²⁵ Walaupun dengan hanya menggunakan dapur leburan secara tradisional, namun produk tembaga seperti tepak sireh, periuk, gelas, sudu dan sebagainya tetap menjadi pilihan utama pedagang luar untuk memperoleh produk dari Terengganu. Kesan daripada pergerakan ekonomi yang mula menampakkan susun atur yang sistematik, wujud pula pengenalan perusahaan tekstil ketika pemerintahan Sultan Mansor Shah I (1733-1794).²⁶ Tekstil dari India yang dibawa masuk ke Patani, Kelantan, Terengganu dan Pahang berjaya menarik minat baginda untuk mengusahakan kegiatan tenunan songket.²⁷ Usaha tersebut agak mudah diketengahkan kerana pada ketika itu, masyarakat Melayu telahpun mempunyai asas awal pembuatan songket walaupun masih berada di peringkat kecil-kecilan. Peranan yang dimainkan oleh seseorang pengusaha adalah antara faktor-faktor penting dalam proses membangun dan memajukan masyarakat. Oleh itu, tidak mustahil melalui pengeluaran produk yang telah diusahakan, perusahaan songket mula menempa nama di beberapa kawasan seperti Kampung Kuala Ibai, Kampung Losong, Kampung Pulau Rusa dan sebagainya. Sebagai seorang pemerintah, baginda bukan sekadar menjalinkan hubungan dengan kerajaan-kerajaan Melayu, tetapi turut menjalinkan hubungan dengan Siam, Pujud, Patani, Belanda dan Syarikat Hindia Timur Inggeris.²⁸

Selain itu, kegiatan perusahaan perahu besar turut menampakkan perkembangan yang agak memberangsangkan. Ini disebabkan perahu telah digunakan sebagai pengangkutan utama yang menghubungkan satu tempat ke satu tempat yang lain dan sebagai alat pengangkutan barang-barang seperti menghantar bunga emas ke negeri Siam pada abad ke-18. Keadaan ini membawa kepada perkembangan perusahaan perahu dalam kalangan masyarakat tempatan.²⁹ Menurut laporan Kapten Labe yang pernah melawat Terengganu pada 1769 menyatakan "The king has share in this and does all the sea trade on his account with Europeans, he also owns several boats that go to Combodia, Siam and other place to bring rice".³⁰ Perkembangan ekonomi daripada pertanian, perikanan dan perdagangan kepada kegiatan ekonomi yang berartikulasi ekonomi perusahaan telah membawa perubahan kepada struktur masyarakat yang sedia ada. Walaupun pada abad ke-18 perubahan ekonomi dilihat masih berada di peringkat yang agak muda, namun perubahan ini turut memberikan kesan mendalam kepada golongan masyarakat tempatan sehingga menjelang abad ke-19.³¹

Perusahaan di Terengganu Abad ke-19

Tempoh pertengahan abad ke-19 sehingga teretusnya Perang Dunia Kedua merupakan satu jangka masa yang sangat penting dalam melihat bagaimana perkembangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu mulai terpisah dari era sebelumnya.³² Bertapaknya Kuala Terengganu sebagai sebuah pusat perdagangan yang utama membolehkan

dinasti Sultan Zainal Abidin mengekalkan pemerintahan dengan dasar-dasar yang cukup sistematik. Pada ketika itu, kegiatan ekonomi perdagangan menjadi pencetus kepada satu bentuk peralihan yang agak ketara terhadap sumber pendapatan negeri. Oleh sebab Terengganu merupakan sebuah petempatan yang tertua di Semenanjung Tanah Melayu, maka wujud satu bentuk kemakmuran ekonomi negeri walaupun kemakmurannya berlaku secara *evolusi*.

Bidang keusahawanan yang turut mempunyai rangkaian sama dengan ekonomi perusahaan bukanlah suatu proses yang berlaku secara mendadak dalam kalangan masyarakat Melayu. Perkembangan kegiatan perusahaan mula digerakkan secara berperingkat berdasarkan keperluan semasa serta dasar-dasar yang dijalankan oleh pihak pentadbir negeri. Walau bagaimanapun, perspektif tersebut mula berubah apabila mereka mula merasakan bahawa kebergantungan terhadap sumber perikanan, perdagangan dan juga pertanian secara sepenuhnya memberikan mereka peluang yang agak terhad untuk memperoleh pendapatan sampingan.

Bagi masyarakat yang bergantung sepenuhnya terhadap sumber perikanan, sudah pasti mereka akan mengalami kesukaran untuk menjalankan kehidupan apabila angin monson mula tiba. Impak daripada kesedaran tersebut, membuka minda masyarakat nelayan dalam mengubah nasib mereka agar tidak hanya tertumpu kepada kegiatan perikanan semata-mata. Ini kerana, kehadiran Monsun Timur Laut yang bermula sekitar bulan November hingga Mac setiap tahun serba sedikit mengganggu gugat punca rezeki untuk menyara keluarga. Pendapatan yang hanya mencecah RM 8 sebulan ketika bermulanya musim tengkujuh, sudah pasti membawa pengeluaran yang terhad terhadap penyaraan keluarga. Walaupun terdapat perbezaan hasil antara nelayan yang menggunakan perahu sendiri dengan hasil nelayan yang menggunakan perahu sewa, namun nasib mereka tetap sama.³³

Fenomena tersebut kemudiannya membawa kewujudan pelbagai pengaruh dan sumber tenaga kerja ke Terengganu sehingga mendorong berlakunya perubahan besar kepada struktur dan sistem sosial masyarakat tempatan. Terengganu pada abad ke-19 mula menjadi sebuah negeri yang mempunyai penduduk yang padat serta memiliki sebuah kota yang maju dalam bidang perusahaan mahupun perindustrian. Kemampuan pengusaha Melayu mencetuskan inovasi telah diperhatikan pegawai tadbir Inggeris ketika mereka melawat Terengganu pada 1895.³⁴ Hugh Clifford menyatakan bahawa "Kuala Terengganu adalah sebuah Bandar yang maju serta mengeluarkan pelbagai hasil keluaran yang kebanyakannya dieksport ke Singapura".³⁵ Perindustrian yang dimaksudkan oleh Clifford merujuk kepada pengeluaran hasil perusahaan yang tinggi ke luar negara terutamanya tekstil. Kesan pengeluaran yang tinggi daripada hasil tekstil, membawa pengiktirafan yang besar terhadap Terengganu sebagai "Birmingham of the Peninsula" pada abad ke-19.³⁶ Petunjuk yang diberikan ini memperlihatkan bahawa Terengganu merupakan sebuah kota yang amat maju dalam bidang keusahawanan dan pengeluaran hasil-hasil perusahaan.

Selain Clifford, W. W. Skeat turut memperihalkan kegiatan perusahaan tangan dengan menyebut bahawa 'Kuala Terengganu appeared to be a hive of industry and we were truly astonished at the range of the activities and in parts at the high quality of the work'.³⁷ Sementara itu, Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dalam lawatannya ke Terengganu sekitar 1895 turut memperihalkan kegiatan perusahaan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu. Beliau menyatakan hasil perusahaan seperti kain sutera, sarong (kain) yang lembut buatannya diperbuat dari Terengganu. Ini menunjukkan

bahawa Terengganu merupakan sebuah wilayah budaya Melayu yang terkenal dengan perusahaan tersebut. Peranannya sebagai pelabuhan ekonomi dan budaya sejak awal abad Masihi secara langsung mengukuhkan lagi ekonomi Terengganu sebagai sebuah pusat perkembangan tekstil.³⁸

Pada 20 April 1896, Joseph Chamberlain yang merupakan seorang pegawai British di Tanah Melayu secara jelas memperakui bahawa hasil-hasil perusahaan tangan dan pembuatan barangan kemas dalam kalangan masyarakat Melayu mampu memberikan sumbangan besar terhadap pembangunan ekonomi negeri. Menurut beliau, sekiranya produk yang dihasilkan berjaya dipasarkan ke England, pasti barangan tersebut akan memperoleh sambutan yang menggalakkan kerana produk dari Tanah Melayu agak sukar didapati di pasaran England.³⁹ Jelas memperlihatkan bahawa, kemampuan seseorang pengusaha dan pihak pentadbir negeri dalam mengenal pasti peluang pasaran yang lebih besar merupakan faktor penting dalam memulakan kegiatan eksport yang lebih besar.

Berdasarkan pengalaman para pelawat yang pernah berkunjung ke Terengganu pada abad ke-19, jelas memperlihatkan bahawa mereka terpicat dengan keunikan kegiatan ekonomi perusahaan. Oleh itu, adalah kurang tepat sekiranya dikatakan bahawa masyarakat Melayu di Tanah Melayu tidak mempunyai tradisi perniagaan dalam kehidupan mereka. Ini disebabkan sejak dari zaman Melaka sehingga kedatangan kolonial, masyarakat Melayu telahpun menjalankan kegiatan perniagaan secara kecil-kecilan sehingga membentuk satu asas pembentukan kegiatan industri yang besar.⁴⁰ Asas-asas semulajadi yang telahpun sedia ada dalam diri masyarakat Terengganu terhadap kemahiran pertukangan tangan membawa satu bentuk ekonomi yang agak berbeza berbanding masyarakat di pantai barat dalam tempoh tersebut.

Perusahaan Pertukangan Tangan di Terengganu

Tradisi ekonomi masyarakat Melayu pada abad ke-19 mempunyai kekuatan tersendiri walaupun pada mulanya mereka hanyalah sekadar menjalankan kegiatan ekonomi yang sederhana pada peringkat awal. Sekiranya dibandingkan dengan ekonomi di paras secukup hidup, jelas memperlihatkan bahawa kebergantungan terhadap ekonomi tersebut tidak banyak memberikan mereka cabaran besar untuk menguasai alam sekitar secara sepenuhnya. Oleh itu, peluang lain mula diterokai sementara menunggu pertanian mengeluarkan hasil dan Monsun Timur Laut mulai tiba.

Pada ketika ini, kegiatan pertukangan dan kerajinan tangan mula dieksploitasi untuk memenuhi kehendak golongan atasan sekitar abad ke-19. Perubahan yang dibawa oleh tradisi pertukangan dan penghasilan barangan perusahaan yang lain dianggap sebagai satu bentuk perubahan ekonomi yang berjaya mengubah institusi sosial mereka.⁴¹ Malah, turut memperlihatkan bahawa kebanyakan daripada mereka mula menyesuaikan diri dengan kehidupan baru apabila perubahan alam mula berlaku di sekeliling mereka. Kegiatan perusahaan ini berkembang dengan lebih baik apabila pihak pemerintah juga turut memainkan peranan penting dalam hal ini. Misalnya ketika pemerintahan Sultan Baginda Omar (1839-1876). Baginda mula membuka peluang kepada masyarakat tempatan untuk berkarya dan menghasilkan produk-produk perusahaan mengikut keinginan masing-masing. Kepelbagaian peranan yang dimainkan oleh Baginda seperti perniagaan atau perusahaan, galakan perlombongan bijih dan emas secara tidak langsung membawa kepada wujudnya

perusahaan "cottage industries"⁴² di Terengganu pada abad ke-19. Bagi pandangan baginda, perusahaan tekstil, tembaga, pertukangan tangan dan alatan senjata mampu memberikan keuntungan besar kepada rakyat dan juga negeri pada ketika itu.⁴³

Tindakan pihak kerajaan merupakan pemangkin utama dalam menjana kejayaan ekonomi negeri. Oleh itu, sebagai golongan elit yang berpandangan jauh, Sultan Baginda Omar secara berturut-turut berusaha untuk meningkatkan mobiliti ekonomi rakyat pada ketika itu.⁴⁴ Malah, beliau berpandangan dalam membentuk sistem sosial yang lebih maju, perbezaan taraf rakyat dan pemerintah seharusnya diletakkan seiring taraf ekonominya. Oleh itu, baginda mula mewujudkan klasifikasi golongan pengusaha di Terengganu. Seiring lahirnya golongan pengusaha, dasar penghijrahan masyarakat luar yang berpengalaman dalam bidang artisan ke Terengganu mula dilaksanakan. Pada ketika itulah, wakaf sebagai saluran mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pertukangan terhadap rakyat jelata telah dibina. Dengan adanya wakaf yang dikenali sebagai 'Wakaf Marhum Baginda', lahirlah ramai penuntut dalam kalangan masyarakat Terengganu. Tukang atau artisan tembaga dari luar negeri seperti India turut datang ke Terengganu untuk mencurahkan ilmu di samping memperoleh pendidikan dan latihan yang telah sedia ada dalam kalangan masyarakat Melayu.⁴⁵ Penghijrahan masyarakat luar yang berpengalaman turut diakui oleh Clifford yang menyebut bahawa: "Around the period 1874-1876, Baginda Omar was said to have encouraged foreign to settle in Terengganu and import their skills to the local people".⁴⁶ Bagi Clifford, penekanan terhadap galakan tersebut adalah penting untuk memastikan kegiatan perusahaan sentiasa mekar di hati rakyat.

Perusahaan tembaga merupakan salah satu pekerjaan utama penduduk Terengganu. Perusahaan yang boleh dianggap sebagai "cottage industry" sekitar abad ke-19 ini secara langsung membuka peluang kepada masyarakat tempatan untuk terlibat dalam aktiviti lain selain pertanian dan perikanan. Sejarah pembuatan tembaga bermula sejak zaman pra-sejarah lagi. Dikatakan perusahaan tembaga berasal dari Funan pada zaman Dong Song. Apabila berlaku kekacauan di Funan dan di beberapa kawasan pantai China, berlakulah satu bentuk penghijrahan. Kebanyakan mereka yang berpindah sebahagian besarnya terdiri daripada pelombong, tukang dan pelaut mahir. Mereka ini terkenal dengan kebudayaan dan kemahiran kraftangan khususnya logam, kemudiannya berhijrah ke merata tempat termasuk ke Terengganu.⁴⁷

Oleh sebab tembaga merupakan barangan yang dianggap sebagai salah satu keperluan golongan atasan dan cukup mewah, dasar yang diketengahkan adalah tepat dan bersesuaian dengan kemasukan tukang tembaga dari luar. Ditambah pula dengan permintaan yang tinggi, menyebabkan Sultan Baginda Omar secara berterusan menyokong perusahaan tembaga.⁴⁸ Kawasan yang maju dalam kegiatan perusahaan tembaga terletak di Kampung Ladang, Terengganu. Oleh kerana Kampung Ladang merupakan sebuah kawasan yang paling hampir dengan istana dan pasar besar, maka perusahaan tembaga begitu menarik perhatian golongan diraja. Tembaga yang siap dihasilkan akan dijual dengan harga \$6 sehingga \$8 bergantung kepada corak dan saiz.⁴⁹ Pembahagian konsep aktiviti perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu turut melambangkan keadaan mobiliti sosial yang dialami oleh mereka pada ketika itu.⁵⁰ Walaupun kegiatan ekonomi masyarakat Melayu masih mengalami proses yang kecil untuk berkembang, namun dengan sumber yang dimiliki tahap kemajuan yang dicapai mampu membanggakan.⁵¹

Menerusi perusahaan tembaga dan tekstil, Terengganu berjaya menerima jolokan sebagai “Birmingham of the Peninsula” yang mana ungkapan ini cukup sinonim ketika pemerintahan Sultan Baginda Omar. Peluang yang wujud, dianggap sebagai satu jambatan yang mampu dijadikan sebagai pengantara untuk memasarkan produk Terengganu sehingga melangkau ke Singapura dan juga Siam.⁵² Dengan adanya perusahaan dan penghasilan produk baru, secara langsung mampu mempelbagaikan produk penting bagi tujuan pemasaran yang lebih besar. Kesan perubahan yang dibawa, tidak mustahil bidang keusahawanan mula dieksploitasi oleh kira-kira 5,000 orang artisan Melayu.⁵³ Tidak sekadar penglibatan masyarakat Melayu yang diutamakan malah penglibatan masyarakat asli turut menjadi fokus utama baginda.⁵⁴

Selain tembaga dan tekstil, kegiatan perusahaan perahu turut dimajukan. Baginda tidak hanya tertumpu kepada satu kegiatan ekonomi sahaja, malah turut menggalakkan perusahaan lain seperti perahu besar jenis pinis untuk berkembang di Terengganu. Dalam proses ini, perolehan ilmu daripada luar negeri mahupun dalam negeri tetap menjadi keutamaan baginda. Penekanan baginda terhadap kegiatan perusahaan perahu mampu memperlihatkan bahawa baginda sememangnya seorang pentadbir yang amat bijak. Sekiranya sebelum ini tenaga pakar digalakkan masuk ke Terengganu, namun agak berbeza terhadap perusahaan perahu apabila beberapa orang masyarakat Melayu dihantar sehingga ke Singapura untuk mencari ilmu berkaitan pembuatan perahu pinis sekitar 1850. Ternyata dasar yang dilaksanakan oleh baginda berjaya apabila perahu yang dihasilkan memperoleh permintaan yang tinggi dari Perairan Alam Melayu dan Sulawesi disebabkan kelajuannya yang berbeza daripada perahu-perahu lain.⁵⁵ Bijak mengambil peluang yang ada dalam kalangan pengusaha tempatan berjaya menarik minat pihak pentadbir di Kelantan untuk menjadikan perahu besar buatan pengusaha Terengganu sebagai pengangkutan diraja:

“...daripada itu, maka adalah Paduka Ayahanda suruh Tuan Haji Datuk berdua dengan Encik Leh itu mengadap Paduka ayahanda itunya serta. Paduka Ayahanda hendak mencari jalannya. Maka adalah Paduka Ayahanda itu sangat-sangatlah berkehendakkan akan perahu yang boleh Paduka Ayahanda naik sendirinya. Maka, adalah Paduka Ayahanda dengan khabar kepada orang perahu itu ada di dalam Negeri Terengganu itunya. Paduka Ayahanda itu telah berharaplah pada Paduka Anakanda akan boleh tulung akhtiarnya, maka fasal sifat perahu itu sudah dinyatakan”.⁵⁶

Permintaan Paduka Kelantan untuk memperoleh sebuah perahu yang baik pembuatannya menunjukkan bahawa perusahaan perahu sememangnya mendapat permintaan yang tinggi daripada negeri-negeri luar. Inovasi pengusaha Melayu boleh dilihat pada silih bergantinya reka bentuk perahu yang dibina, termasuk jenis kemudi, abah-abah dan layar. Malah, daya pemikiran yang kreatif juga mampu disokong dengan penggunaan kayu bermutu tinggi yang diperolehi dari Kemaman untuk menghasilkan sebuah perahu.⁵⁷

Pada ketika itu, lahir seorang pengusaha tempatan yang terkenal dalam perusahaan perahu iaitu Encik Leh. Encik Leh mempelajari teknik bertukang dengan orang Perancis yang datang ke Terengganu kerana menjalankan pelayaran dalam tempoh yang lama. Pada abad ke-19, teknik melukis pelan untuk menghasilkan sebuah perahu dilakukan di atas tanah. Pengusaha hanya membayangkan bagaimana bentuk perahu yang akan dihasilkan dan bagaimana untuk menjadikan perahu tersebut terapung di permukaan

air.⁵⁸ Pada akhir abad ke-19, jarang sekali usahawan dibezakan daripada masyarakat biasa kerana pada ketika itu, mereka kebanyakannya dilihat sebagai individu yang mampu membangunkan ekonomi negeri. Oleh itu, tidak mustahil sekiranya daya mencipta mereka mula mengalami perubahan setelah pembuatan perahu pinis mula mendapat permintaan dan daripada permintaan tersebut, wujud pula pembuatan perahu bedar dalam kalangan masyarakat tempatan.⁵⁹ Perubahan dari segi bentuk dan jenis perahu menunjukkan telah wujud daya inovasi yang tinggi dalam kalangan pengusaha perahu Melayu pada ketika itu. Bentuk perahu mula diubahsuai dan dicipta pula bentuk yang lebih efisien sifatnya terutamanya untuk kegunaan pelayaran laut kepulauan Melayu. Ini jelas memperlihatkan bahawa mereka berkeupayaan untuk memenuhi semua tuntutan masyarakat luar dalam persekitaran yang terhampir.

Sultan Baginda Omar merupakan seorang sultan yang kuat mempertahankan maruah dengan cara mengadakan usaha-usaha pembangunan sosioekonomi dalam negeri dan mengasingkan Terengganu daripada hal ehwal luar, tanpa membabitkan urusan negeri lain.⁶⁰ Dasar yang dijalankan oleh baginda membawa implikasi yang cukup besar ke atas Terengganu kerana berjaya mempertahankan reputasi Terengganu sebagai sebuah pusat pengajian dan industri di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-19. Bagi pandangan baginda, langkah-langkah yang diwujudkan secara langsung mampu memberikan pemodenan terhadap negeri Terengganu pada ketika itu.⁶¹ Malah, unsur-unsur pentadbiran moden telahpun dijalankan oleh baginda sebelum bertapaknya kuasa penjajah di negara ini.⁶² Memandangkan Sultan Baginda Omar ialah tokoh yang sering berusaha bagi kemajuan perusahaan orang Melayu di Terengganu, maka baginda telah digelar sebagai "Bapa Pengasas Industri". Pembangunan industri tempatan sekitar abad ke-19 telah berjaya merubah pemikiran kolonial seperti Clifford yang menganggap bahawa 'orang Melayu paling tinggi tahap keusahawanan di Semenanjung'. Tepat pernyataan yang dikeluarkan oleh Clifford kerana kewujudan pengusaha bukanlah sekadar mengejar keuntungan semata-mata tetapi penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan adalah sebagai penyumbang kemajuan negeri dan masyarakat itu sendiri.

Perkembangan yang berlaku secara tidak langsung menunjukkan bahawa ekonomi Terengganu sekitar abad ke-19 bukanlah sebuah ekonomi yang bersifat statik, sebaliknya ekonomi Terengganu sedang berada dalam ambang peralihan akibat daripada interaksi beberapa faktor dalaman termasuk peranan yang dimainkan oleh golongan atasan sekitar abad ke-19.⁶³

Perusahaan Tangan Masyarakat Melayu Terengganu Awal Abad ke-20

Sejajar dengan perkembangan dan kemajuan kegiatan perusahaan pada abad ke-18 dan abad ke-19, kegiatan perusahaan masih menjejak perkembangan yang sama menjelang abad ke-20. Perkembangan yang berlaku menjadi tali perhubungan penting kepada masyarakat Melayu dan bermula dari situ, kebergantungan pihak kerajaan terhadap sumber-sumber perusahaan perahu, tembaga, tekstil, dan kelapa kering mula menarik perhatian mereka untuk dimajukan. Apa yang menarik, istimewanya hasil-hasil perusahaan Terengganu dari kaca mata pihak kerajaan membawa pengiktirafan sehingga ke tahap *Malaya-Borneo Exhibition (M.B.E)*.⁶⁴ Dengan pengiktirafan tersebut, pada 1922 kegiatan perusahaan mula diletakkan di bawah *Arts and Crafts Section*.⁶⁵ Kewujudan seksyen khas ini mula menarik minat syarikat-syarikat pameran seperti

Malayan Agri-horticultural Association (MAHA) untuk mempromosikan hasil-hasil perusahaan sehingga peringkat yang lebih tinggi.⁶⁶ Produk-produk yang dipamerkan secara langsung mendorong pengeluaran, menggalakkan perusahaan kecil dan membolehkan mereka yang terlibat mengetahui gambaran pasaran pada ketika itu.⁶⁷

Pengiktirafan besar yang dibawa oleh hasil-hasil perusahaan, mula menarik perhatian Menteri Besar Terengganu iaitu Haji Ngah@Muhammad B. Yusof.⁶⁸ Ketika memegang tampuk pentadbiran, perusahaan tenunan songket sedang melonjak naik. Dengan perkembangan yang berlaku, beliau mula berpandangan sekiranya dimajukan, hasil tenunan songket mampu memberikan jaminan pendapatan yang besar sekiranya dimajukan.⁶⁹ Tambahan pula, penglibatan golongan wanita Melayu seramai 2,194 pada 1931 menguatkan lagi pengaruh beliau untuk membawa kegiatan perusahaan sehingga ke tahap membanggakan.⁷⁰ Sekitar pertengahan abad ke-20, para pengusaha masih dilihat sebagai seseorang yang mempunyai daya mencipta sesuatu yang baru sehingga membawa satu bentuk perubahan. Perubahan yang dibawa dalam mencipta sesuatu bentuk produk yang baru adalah selaras dengan teori yang dikemukakan oleh Schumpeter bahawa fungsi seseorang usahawan adalah mewujudkan pembaharuan. Malah, mereka juga dianggap sebagai ejen yang mampu melaksanakan penciptaan produk baru kepada masyarakat tempatan.⁷¹ Oleh itu, sebagai asas sokongan kerajaan untuk memastikan kegiatan perusahaan berkemampuan menghasilkan produk-produk baru kepada masyarakat tempatan, Haji Ngah mula memberikan saluran modal sebanyak \$10 sehingga \$200 pada 1936. Saluran modal yang diberikan secara langsung memperlihatkan bahawa beliau bersungguh-sungguh untuk menghasilkan produk industri yang terbaik di Terengganu.⁷²

Hasil-hasil tenunan yang paling berkembang dan mendapat permintaan tinggi oleh pedagang luar ialah kain Limar. Pada ketika itu, kain Limar merupakan kain yang memiliki keunikan dan kualiti tinggi pernah dihasilkan oleh golongan wanita di Terengganu. Pada abad ke-20, golongan wanita yang memiliki kepandaian menenun akan dipandang tinggi oleh masyarakat tempatan dan menjadi prasyarat kepada golongan lelaki untuk menjadikan mereka sebagai isteri. Selain mempunyai pendidikan, kemahiran bertenun turut dijadikan sebagai pakej lengkap kepada golongan wanita untuk memajukan diri sendiri. Malah, kelebihan yang ada merupakan nilai tambah yang sangat istimewa kepada mereka. Pertambahan jumlah penenun mahir di Terengganu secara tidak langsung menjadikan kegiatan perusahaan tenunan berkembang kerana di situlah wujudnya peluang pekerjaan kepada mereka.⁷³ Menurut Puan Ramlah, perkembangan turut berlaku kerana minat yang terlalu mendalam dalam kalangan wanita Melayu terhadap kegiatan perusahaan tenunan pada ketika itu. Bunyi alunan "torak dan kei"⁷⁴ di samping berzikir ketika menenun menjadikan mereka "asyik" dengan kegiatan tenunan yang dijalankan sehingga memberikan ruang kepada mereka untuk berhibur.⁷⁵

Pada 1928, akibat daripada penghijrahan pengusaha wanita ke Johor, perusahaan tenunan sarong mengalami sedikit kemerosotan. Dalam laporan *British Adviser Terengganu*, dicatatkan bahawa penghijrahan golongan wanita ke Johor disebabkan oleh peluang pasaran yang besar di Johor bagi memasarkan produk yang dihasilkan.⁷⁶ Namun, berbeza pula dengan pandangan Puan Ramlah mengenai penghijrahan golongan wanita ke Johor pada abad ke-20. Beliau tidak bersetuju sekiranya penghijrahan golongan wanita ke Johor berpunca daripada peluang pasaran terhad yang terdapat di Terengganu, sebaliknya berpendapat bahawa penghijrahan mereka adalah

kerana menjalankan urusan jual beli. Malah, terdapat dalam kalangan mereka yang menjalankan urusan jual beli sehingga berbulan-bulan lamanya.⁷⁷ Daya keusahawanan dan inovasi yang tinggi merupakan satu kelebihan yang dimiliki oleh seseorang pengusaha atau usahawan sehinggakan mereka mampu dibezakan dengan masyarakat lain yang bukan terdiri daripada pengusaha. Oleh itu, tidak mustahil sekiranya penghijrahan yang dilakukan oleh mereka ke Johor adalah disebabkan tuntutan pasaran yang lebih besar pada ketika itu bagi memenuhi ruang keuntungan yang bersifat stabil. Langkah seseorang pengusaha wanita memperkenalkan produk tenunan ke pasaran lain mampu membuktikan bahawa sememangnya mereka bijak mengambil peluang yang ada untuk melebarkan sayap perniagaan yang diceburi pada ketika itu.

Penubuhan "Malayan Expenditure Committee" atau "Joint Expenditure Committee" di NNMTB membawa kepada pengagihan tekstil tanpa had koata kepada pihak kerajaan untuk mengeksport hasil-hasil tekstil ke negara luar. Malah, pengagihan kos oleh pihak pentadbiran di bawah Textile (Quotas)⁷⁸ Ordinance 1934 turut memperincikan sekatan import tekstil bukan buatan British ke Tanah Melayu. Kepentingan tekstil membawa kepada pengecualian cukai dan dikhaskan di bawah "Gazette Notification 3517" oleh pihak kerajaan.⁷⁹ Pelepasan cukai dan menghadkan penggunaan kain buatan British merupakan salah satu dasar kerajaan bagi membantu produk-produk tempatan mampu berada di pasaran yang lebih besar.⁸⁰

Sejajar dengan perkembangan dan kemajuan kegiatan perusahaan tekstil, Kilang "textile and dyeing" telah dibina di Terengganu pada 1938. Perkhidmatan kilang yang dibina adalah sebagai langkah kerajaan untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan terhadap masyarakat tempatan.⁸¹ Matlamat kerajaan, sekiranya ekonomi negeri stabil maka pengurangan kadar kemiskinan rakyat mampu dikurangkan.⁸² Menjejak perkembangan yang sama, 'Persekutuan Guru-Guru Trengganu' turut menyokong penuh usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan.⁸³ Kejayaan sikap pengusaha kecil yang mempunyai ciri-ciri "enterprise" dan sanggup menanggung sebarang risiko berjaya dibuktikan apabila produk tekstil dari Terengganu terpilih sebagai salah satu produk yang akan dipamerkan di Bellahouseton Park, Glasgow London dari 3 Mei 1938 sehingga 29 Oktober 1938. Pengiktirafan ini mampu memperlihatkan bahawa produk tekstil yang dihasilkan sememangnya mempunyai nilai komersial yang amat tinggi pada ketika itu.⁸⁴ Bangga dengan legasi tekstil yang dimiliki turun-temurun, tidak mustahil penubuhan Sekolah Tengku Ampuan Mariam⁸⁵ merupakan antara dasar terpenting kerajaan untuk memajukan kegiatan perusahaan tekstil. Matapelajaran khas yang diperkenalkan di Sekolah Tengku Ampuan Mariam secara langsung menjamin satu bentuk pengukuhan warisan tenunan Melayu yang dimiliki oleh Terengganu tanpa dikongsi oleh rumpun serantau. Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi, yakni mentransformasikan ekonomi kepada ekonomi berbentuk perusahaan, jelas memperlihatkan bahawa dasar kerajaan dalam menubuhkan Sekolah Tengku Ampuan Mariam merupakan satu elemen yang sangat penting. Sebanyak \$4,500 modal telah diperuntukkan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu setiap tahun untuk memastikan segala perancangan kerajaan mampu direalisasikan. Che Abdul bin Alias berjaya terpilih untuk mengajar seni tekat batik di sekolah tersebut.⁸⁶

Usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan secara langsung membantu perkembangan kegiatan perusahaan sekitar abad ke-20. Pada 8 Jun 1935, sekali lagi pameran perusahaan diadakan di Terengganu.⁸⁷ Seperkara yang menarik, pameran yang dianjurkan bukan sekadar menarik perhatian golongan elit Melayu dan Pegawai

British, malah segala bentuk kemajuan perusahaan turut mendapat perkenan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1918-1942).⁸⁸ Oleh kerana minat mendalam terhadap hasil tangan masyarakat Melayu, tidak mustahil sekiranya baginda merupakan salah seorang Penaung Kehormat dalam "Malayan Agri-horticultural Association (MAHA)".⁸⁹ Sultan Sulaiman dan Tengku Ampuan Mariam merupakan pasangan diraja yang mempunyai minat mendalam terhadap bidang kesenian termasuk hasil-hasil kraftangan, muzik dan joget gamelan.⁹⁰ Perkembangan yang dibawa oleh kegiatan perusahaan tembaga berjaya membawa penglibatan seramai 200 orang pengusaha Melayu. Dalam tempoh yang hampir iaitu 1937, lebih \$71,000.00 nilai eksport tembaga diperoleh berbanding \$60,000 pada 1936.⁹¹ Perusahaan tembaga merupakan antara produk yang terbaik dihasilkan di Terengganu.⁹² Selain tekstil, perusahaan tembaga turut dikhaskan di bawah Perjanjian Ottawa untuk mengelakkan kadar cukai yang tinggi ketika kegiatan eksport dijalankan terutamanya ke NNMB.⁹³ Daya usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan berjaya melahirkan pengusaha terkemuka dalam kegiatan perusahaan tembaga iaitu Che Ali bin Ismail sekitar abad ke-20.⁹⁴ Walaupun tanpa sumber di bawah kawalannya, namun seseorang pengusaha tetap mampu menghasilkan produk-produk yang terbaik pada ketika itu.

Selain perusahaan tekstil dan tembaga, Kerajaan Terengganu turut mengetengahkan kegiatan perusahaan kelapa kering sebagai salah satu penyumbang terpenting negeri pada abad ke-20. Pada 1928 sebanyak 18,200 pikul kelapa kering telah dieksport ke Bangkok dan meningkat sebanyak 410,000 pikul pada 1929. Dengan purata eksport jelas memperlihatkan bahawa permintaan terhadap kelapa kering dari Terengganu sentiasa memperoleh pasaran yang besar. Menjelang 1933, Terengganu masih merupakan negeri yang maju dalam kegiatan perusahaan kelapa kering selain Kelantan.⁹⁵ Pada ketika itu, jumlah eksport kelapa kering bernilai \$159,730 berbanding 1932 iaitu sebanyak \$88,168. Statistik yang dikeluarkan oleh Biro Institut Pertanian Antarabangsa, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) merupakan antara negeri yang berjaya menghasilkan "Produits Oleagineux et Huiles Vegetales" atau minyak bijirin sehingga 1921.⁹⁶ Dengan mengambil kira kepelbagaian kegunaan kelapa, maka tidak hairanlah kelapa merupakan keperluan penting dalam konteks kehidupan seharian masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, hasil eksport kelapa kering turut dijadikan sebagai komoditi eksport yang utama ke Singapura pada ketika itu. Malah, hasil eksport kelapa kering turut mencapai \$315,981⁹⁷ pada tahun 1913. Dipercayai bahawa masyarakat Melayu di Terengganu sebelum kehadiran British telahpun terlibat secara langsung dengan ekonomi pasaran dan menjadikan kelapa sebagai komoditi yang boleh didagangkan diperingkat domestik dan antarabangsa.⁹⁸

Selain dieksport ke negara luar, kelapa kering turut dijual kepada saudagar-saudagar yang mempunyai modal besar atau modal kecil. Bagi memenuhi permintaan yang semakin besar dan memudahkan pengusaha mengeluarkan produk yang semakin tinggi permintaannya, kerajaan mula menggalakkan pembinaan "Rumah Salai" di setiap kawasan yang menjalankan perusahaan kelapa kering.⁹⁹ Ini disebabkan kualiti kelapa kering yang ingin dihasilkan seharusnya mencapai standard yang tinggi seperti isi kelapa yang betul-betul masak atau tua; isi yang putih dan tebal; rapuh; berminyak; keping-keping yang besar dan dipetik sendiri daripada pokok kelapa. Standard yang ditetapkan secara langsung membawa minat pembekal-pembekal luar untuk mendapatkan produk yang dihasilkan.¹⁰⁰ Tidak kira apa juga faktor yang terlibat, inovasi, daya kreativiti dan berdaya saing merupakan antara ciri penting

yang seharusnya diwujudkan bagi tujuan pembaharuan dan penambahbaikan untuk menghasilkan sesuatu produk yang berkualiti. Malah, ciri-ciri inilah seharusnya perlu ada dalam diri seseorang pengusaha untuk memastikan produk-produk yang dihasilkan sentiasa mampu memenuhi kehendak masyarakat lain.

Kesimpulan

Secara umum, dapat disimpulkan bahawa Terengganu pada abad ke-19 dan ke-20 telah mengalami proses perkembangan perusahaan yang sangat penting. Jangka masa tersebut memperlihatkan bahawa perubahan ekonomi mula berlaku daripada ekonomi berbentuk tradisional kepada ekonomi yang berbentuk komersial. Bermula dengan perusahaan secara kecil-kecilan dalam kalangan masyarakat Melayu, Terengganu dapat berbangga apabila produk-produk yang dihasilkan mendapat tempahan dari seluruh dunia termasuk London. Perusahaan yang berasaskan produk tradisional berjaya membuktikan bahawa produk tempatan asli dapat dipasarkan ke peringkat antarabangsa selain menambat hati masyarakat di seluruh Tanah Melayu yang sememangnya menghargai produk Melayu warisan zaman silam. Bukan itu sahaja, ciri-ciri keusahawanan dalam diri pengusaha juga berjaya dibentuk dengan penghasilan produk-produk baru yang mampu menarik perhatian ramai pihak untuk mendapatkannya.

Walaupun unsur-unsur kemakmuran dan kemajuan sesebuah negeri diukur berdasarkan kepada jumlah penduduk, pendapatan negeri yang tinggi, tenaga kerja dan migrasi, namun di Terengganu sememangnya agak berbeza. Penilaian kemajuan negeri tersebut hanyalah dinilai berdasarkan kemahiran yang dimiliki oleh masyarakat dalam aktiviti pembuatan dan juga penghasilan produk-produk yang mempunyai nilai-nilai komersial yang tinggi. Pada ketika itulah, kebergantungan pihak kerajaan untuk memajukan kegiatan perusahaan semakin nyata. Modal-modal disalurkan bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya dalam pengeluaran produk tempatan. Malah, pembinaan *Textile and Dyeing Factory* jelas memperlihatkan bahawa ciri-ciri kemodenan telahpun berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu setelah sumber-sumber pertukangan tangan mula dihasil dan dipasarkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Nota

- ¹ Beliau ialah calon Ijazah Sarjana, di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- ² Beliau ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- ³ Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984. Rujuk juga Mohd Fadzilah Kamsah dan Muhammad Zakaria, *Langkah Bijak Usahawan Terbilang*, Kuala Lumpur: Penerbitan Telaga Biru Sdn. Bhd, 2008, hlm. 1.
- ⁴ Mazdan Ali Amaran, *Pembudayaan Keusahawanan Di Kalangan Graduan*, Disertasi M.A., Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 13.
- ⁵ *Annual Report on the States of Trengganu 1936*, hlm. 32.
- ⁶ SP 18/2F. 87/27, Kongres Ketiga Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya.
- ⁷ Mohd Fadzilah Kamsah dan Muhammad Zakaria, *Langkah Bijak Usahawan Terbilang*, hlm. 1-2.

- ⁸ Amarjit Kaur, 'Kegiatan Masyarakat Melayu Dalam Ekonomi Pada Abad Ke-19: Satu Tinjauan', Koloqium Masyarakat Melayu Abad Ke-19, Bilik Mesyuarat Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985, 26 Oktober, hlm. 5.
- ⁹ Terdapat banyak cerita yang memperihalkan bagaimana Terengganu memperoleh nama asal. Salah satunya berdasarkan kepada penulisan MISBAHA yang menyatakan bahawa nama asal Kuala Terengganu bermula apabila terdapat sekumpulan pengembara dari Pahang yang berburu di kawasan Ulu Trengganu, telah terjumpa taring yang agak besar. Salah seorang pengembara tersebut bertanya mengenai 'benda' yang dijumpai itu. Maka, salah seorang daripadanya menjawab "TARING ANU". Malah ada juga cerita yang menyatakan bahawa nama Terengganu dinamakan sempena nama kilat. Terdapat cerita yang menyatakan bahawa terdapat sekumpulan masyarakat yang berkumpul di pantai. Tiba-tiba muncul cahaya kilat dari kaki langit yang sangat terang dan disertai dengan guruh. Sebagai memperingati peristiwa itu, tempat tersebut dipanggil "TERANG GANU". Setelah dibuka negeri, maka negeri tersebut dinamakan sebagai Trengganu. Untuk melihat keterangan lanjut, sila rujuk Mohd Saleh Hj. Awang (MISBAHA), *Sejarah Trengganu*, Trengganu: Mansor Printing Press, 1968, hlm. 32-34. Untuk keterangan lanjut mengenai kedudukan Terengganu sila rujuk C.C Brown, *Annual Report Social and Economic Progress of the People of Trengganu for the Year 1933*, hlm. 7; *Trengganu Annual Report, 1934*, hlm. 7 dan C.O. 840/2, *Trengganu Sessional Paper: Annual Report on the States of Trengganu, 1926*, hlm. 1.
- ¹⁰ Hugh Clifford, 'A Journey Through the Malay States of Trengganu and Kelantan', *The Geographical Journal*, Jil. 9, No. 1, hlm. 5.
- ¹¹ Shahridan Faiez bin Mohideen Abdul Kader, 'Mipping Modernities in Trengganu: Nature, Islam and the Colonial States, 1850-1930', Tesis Ph.D, Wolfson College University of Cambridge, 2001, hlm. 49.
- ¹² Hanapi Dollah, 'Ekonomi Politik Terengganu Prakolonial: Satu Analisis Mencari Feudalismenya', *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia (PURBA)*, Jil. 4, 1985, hlm. 61.
- ¹³ Hugh Clifford, 'Expedition to Trengganu and Kelantan', hlm. 17. Rujuk juga Buyong Adil, *Sejarah Trengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 12. Rujuk juga S. Arasaratnam, 'Factors in the Rise, Growth and Decline of Coromandel Ports Circa 1650-1720', dalam Aldershot Gt (editor), *Maritime Trade, Society and European Influence in Southern Asia 1600-1800*, Britain: Variorum Publication, 1995, hlm. 19-20. Pantai Koromandel India juga amat penting bagi pelayaran kapal yang ingin menjalankan kegiatan perdagangan ke Timur Jauh.
- ¹⁴ Farid Mat Zain, *Islam Di Tanah Melayu Abad Ke-19*, Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd, 2007, hlm. 160.
- ¹⁵ Khoo Kay Kim, 'Kuala Trengganu: International Trading Centre', *Malaysia in History*, Jil. 17, No. 2, 1974, hlm. 17.
- ¹⁶ Shahridan Faiez bin Mohideen Abdul Kader, 'Mipping Modernities in Trengganu: Nature, Islam and the Colonial States, 1850-1930', hlm. 37.
- ¹⁷ Hugh Clifford, 'Expedition to Trengganu and Kelantan', hlm. 107.
- ¹⁸ Abdullah Zakaria Ghazali, 'Keadaan Politik dan Sosioekonomi Terengganu Pada Kurun ke-19', dalam Abdullah Zakaria Ghazali (editor), *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Muzium Malaysia, 1984, hlm. 52.
- ¹⁹ Dianne Lewis, 'Growth of the Country Trade to the Straits of Malacca 1760-1777', *JMBRAS*, Jil. 43, No. 2, 1970, hlm. 121.
- ²⁰ Perkataan 'transisi' di sini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu secara keseluruhannya mengalami satu perubahan yang tidak drastik. Keadaan ini menggambarkan bahawa perubahan ekonomi dari sudut orientasi dan manifestasinya dianggap sebagai kurang ketara jika dibandingkan dengan golongan kapitalis Eropah dan masyarakat imigran seperti kaum Cina. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Ahmad Kamal Arrifin Mohd Rus, Abdul Rahman Tang Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansor, Era Kesedaran dan Peralihan, Seminar Sejarah Nasional Malaysia, Universiti Malaya, 27 November 2008, hlm. 25.

- ²¹ S.C. 818/1360, Secondary Industries in Colonial Dependencies.
- ²² Dalam *Sejarah Melayu*, telah dicatatkan bahawa ketika zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah (1477-1488), Terengganu telah ditadbir oleh Telanai. Untuk keterangan lanjut sila rujuk A. Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 180-181. Rujuk juga Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2009, hlm. 87.
- ²³ Arba'iyah Ab. Aziz, *Simbolisme Dalam Motif-motif Songket Melayu Terengganu*, Tesis Ph.D, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2010, hlm. 91.
- ²⁴ Inovasi teknikal adalah merujuk kepada kegiatan yang yang dijalankan oleh seseorang usahawan tanpa menggunakan teknologi yang tinggi dan lebih berupa cara baru dalam bekerja. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, *Kursus Berfikir Tinggi*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd, 1998, hlm. 186.
- ²⁵ C.O 840/2, *Trengganu Sessional Papers 1910-1940*, 27. Rujuk juga Report on The Unfederated Malay States (UMS) 1936, hlm. 26-27.
- ²⁶ Sultan Mansor I (Ku Tana Mansor) merupakan Sultan Terengganu yang kedua. Baginda juga merupakan putera Sultan Zainal Abidin Shah I dengan anak Sheikh Abdul Malik bin Syed Abdullah (Tok Pulau Manis). Baginda diputerakan pada 1725 dan dilantik sebagai sultan pada 1733. Menurut catatan Kapten Guillaume Labe, seorang nakhoda kapal perdagangan Syarikat Hindia Perancis yang melawat Terengganu pada 1769, Sultan Mansor I ditabalkan sebagai sultan ketika berumur 44 tahun. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Muhammad Salleh Haji Awang, Dato' Setia Jasa (MISBAHA), *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H (1942)*, Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, 1992, 116. Rujuk juga J. Dunmore, 'French Visitors to Terengganu in The Eighteenth Century', *JMBRAS*, Jil. XLVI, No. 1, 1973, hlm. 154.
- ²⁷ Siti Zainon Ismail, *Pakaian Cara Melayu*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 51.
- ²⁸ Arba'iyah Mohd Noor, 'Naskhah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu', dalam Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (editor), *Kesultanan Melayu Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 12.
- ²⁹ Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, SP 6/8. Dalam surat tersebut, rombongan menghantar bunga emas ke Siam dengan menggunakan perahu telah selamat kembali ke Terengganu. Rujuk juga Mohd Yusof Abdullah, 'Perahu Besar Terengganu', *PESAKA III*, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd, 1985, hlm. 43. Mengikuti Sejarah Darul Iman karangan MISBAHA, hubungan antara Terengganu dan Siam berlaku pada 1765 ketika pemerintahan Sultan Mansor I (1733-1794). Mohd Shukri Hanafi, 'Hubungan Terengganu-Thai Pada Masa Pemerintahan Baginda Umar (1839-1876)', *PESAKA IV*, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd, 1992, hlm. 1.
- ³⁰ J. Dunmore, 'French Visitors to Terengganu in The Eighteenth Century', hlm. 148.
- ³¹ Hanapi Dollah, *Ekonomi Politik Terengganu Prakolonial: Satu Analisis Mencari Feudalismenya*, hlm. 66.
- ³² Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Suffian Mansor, 'Proses Transisi Masyarakat Melayu di Tanah Melayu, 1880-1941: Reaksi Terhadap Perkembangan Kemajuan Infrastruktur dan Sistem Kesihatan Awam', dalam Arba'iyah Mohd Noor (Editor), *Persada Jauhari*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2012, hlm. 45.
- ³³ *Annual Report of Terengganu*, 1915, hlm. 23. Kebanyakan nelayan Terengganu menggunakan pukot payang untuk menjalankan kegiatan perikanan. Terdapat sedikit catatan daripada Clifford pada 1895 yang menyatakan bahawa pemilik perahu dan pukot biasanya akan mengambil bahagian yang aktif dalam usaha menangkap ikan. Rujuk juga Hugh Clifford, 'Expedition to Trengganu and Kelantan', hlm. 91.

- ³⁴ Pisol Maidin, 'Tukang Timbal Membina Perahu: Tradisi dan Inovasi', *SARI (Jurnal Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu)*, No. 21, hlm. 49.
- ³⁵ *Ibid.*, hlm. 90.
- ³⁶ "Birmingham of the Peninsula" telah disebut dalam *Annual Report Social and Economic Progress of the People of Terengganu*, 1934, hlm. 20-21 berdasarkan pengalaman Hugh Clifford melawat Terengganu sekitar 1895. Rujuk juga CO 840/2, *Colonial Office Trengganu: Sessional Paper, 1910-1941*, hlm. 12.
- ³⁷ W.W. Skeat, 'The Cambridge University Expedition To The North-Eastern Malay States and to Upper Perak 1899-1900', *JMBRAS*, Jil. 26, No. 4, 1973, hlm. 121.
- ³⁸ Siti Zainon Ismail, *Terengganu Pusat Tenunan: Satu Pemerian Koleksi, Bengkel Pakaian dan Tekstil Melayu*, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1990, 9 Disember 1990 sehingga 11 Disember 1990, hlm. 1-2.
- ³⁹ SP 12/50, Letter From Josept Chamberlain to Frank A. Swettenham on Malay Handicraft, Surat Persendirian Josept Chamberlain, 20 April 1896.
- ⁴⁰ Syed Husin Ali, *Orang Melayu Masalah dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: IDID Supply & Sevices, 2008, hlm. 107. Keusahawanan di Tanah Melayu telahpun wujud sejak zaman Kerajaan Melayu Melaka lagi. Istilah usahawan yang digunakan ialah pedagang, pengilang dan pengusaha. Mereka merupakan peneraju entiti perniagaan kecil perindustrian dan perkilangan yang cenderung untuk berkembang dan melibatkan bukan sahaja barangan malahan juga perkhidmatan. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Norita Deraman, *Keusahawanan*, Shah Alam: Penerbitan Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2007, hlm. 5.
- ⁴¹ Wan Abdul Kadir, 'Tradisi dan Kemodenan Budaya Ekspresif Di Kalangan Orang Melayu', *Jurnal Akademi Pengajian Melayu (Alam Melayu)*, Jil. 1, No. 1, 1993, hlm. 1-2.
- ⁴² Secara umumnya *Cottage Industries* merupakan satu kegiatan yang merujuk kepada kegiatan yang melibatkan kemahiran tangan untuk menghasilkan sesuatu produk tempatan yang bertujuan untuk dipasarkan. Kemahiran kecil yang diwarisi sejak turun temurun merupakan salah satu keunikan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu dan kebanyakannya mereka akan memberikan galakan kepada keluarga mahupun rakan-rakan terdekat untuk terlibat sama sebagai "Primary Source of Income". Untuk keterangan lanjut sila rujuk CPR/ M 339, Agricultural Department- MAHA Magazine 1927-1941, hlm. 74.
- ⁴³ J.M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 2. Terdapat tempatan peniaga Arab yang agak besar di Kuala Terengganu dan mereka kebanyakannya berpegang teguh kepada agama Islam. Buyong Adil, *Sejarah Trengganu*, hlm. 14. Muhammad Saleh Haji Awang (MISBAHA), *Terengganu Dari Bentuk Sejarah*, hlm. 170-171. M.C.ff.Sheppard, 'A Short History of Terengganu', *JMBRAS*, Jil. 10, No. 3, 1983, hlm. 30. Rujuk juga Mubin Sheppard, 'Baginda Omar The Qonqueror', *Malaysia In History*, Jil. 12, Oktober 1968, hlm. 35.
- ⁴⁴ Shaharil Talib, *After It's Own Image: The Trengganu Experience 1881-1941*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 181.
- ⁴⁵ Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, hlm. 118.
- ⁴⁶ H. Clifford, 'Expedition to Terengganu and Kelantan', hlm. 61. Rujuk juga Hugh Clifford, *East Coast Etching*, Singapore: Straits Times Press, 1896, hlm. 57. Rujuk juga Dato' Setia Jasa, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H hingga 1942 M*, hlm. 179.
- ⁴⁷ Untuk keterangan lanjut sila rujuk Fail LKM (P) 8, *Perusahaan Tembaga, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia*, 1973, hlm. 1-2.
- ⁴⁸ Siti Rahmah Mohd. Noor, *Sejarah Perkembangan 'Cottage Industries' di Trengganu Dari Abad Ke-18 Hingga Ke Tahun 1970-an*, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1977/1978, hlm. 35.
- ⁴⁹ Hugh Clifford, 'Expedition to Trengganu and Kelantan', hlm. 59.
- ⁵⁰ Mubin Sheppard, *Mekarnya Seni Pertukangan Malaysia*, Kuala Lumpur: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd, 1980, hlm. 37.

- ⁵¹ J.M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*, hlm. 2.
- ⁵² Hugh Clifford, 'Expedition to Trengganu and Kelantan', hlm. 78.
- ⁵³ Syaharil Talib, 'Sejarah Trengganu Sebelum Penjajahan: Satu Pendekatan Sosial', *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia (WARISAN)*, Cawangan Terengganu, Jil. 2, 1980/1981, hlm. 9.
- ⁵⁴ Hugh Clifford, 'Expedition to Trengganu and Kelantan', hlm. 78.
- ⁵⁵ Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, hlm. 129.
- ⁵⁶ Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, SP 6/39/58, Raja Muda Kelantan Berkehendakkan Perahu. Dalam surat tersebut Engku Syed Terengganu diminta mencarikan perahu di Terengganu mengikut ciri-ciri yang dinyatakan kepada Tuan Haji Dato' dan Encik Leh. Rujuk juga Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, SP 6/39/2. Urusan Pembelian Perahu.
- ⁵⁷ Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, SP 6/52. Permohonan Mendapatkan Kayu di Kemaman.
- ⁵⁸ Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, SP 6/39. Permohonan Mendapatkan Perahu; Ketika temuramah dijalankan dengan Haji Abdullah Muda iaitu seorang pengusaha bot terkenal di Terengganu, nama Encik Leh turut disebut pada ketika itu. Encik Leh merupakan seorang berbangsa Cina telah memeluk Islam dan berkahwin dengan orang Melayu di Chendering, Terengganu. Temuramah dengan Haji Abdullah bin Muda (Pengusaha Perahu di Kampung Chendering Kuala Terengganu), 27 Ogos 2012.
- ⁵⁹ G. Hill, 'Cargo Boats of The East Coast of Malaya', *JMBRAS*, Jil. 22, No. 3, 1949, hlm. 24.
- ⁶⁰ Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, hlm. 129.
- ⁶¹ Dato' Setia Jasa, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H hingga 1942 M*, hlm. 191. Lihat juga G. Hill, 'Cargo Boats of the East Coast of Malaya', hlm. 109-111. Rujuk juga H.S. Barlow, *Boats, Boatbuilding and Fishing in Malaysia*, *MBRAS*, No. 27, hlm. 2009, hlm. 23.
- ⁶² Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, hlm. 129.
- ⁶³ Hugh Clifford, 'Expedition to Trengganu and Kelantan', hlm. 88.
- ⁶⁴ M.B.E ditubuhkan di bawah penyeliaan Mr. F.S. James dan berpusat di Singapura. Malah, M.B.E turut disokong dengan penubuhan lima *Sectional Committees* untuk berurusan dengan empat seksyen utama pameran pada ketika itu. Untuk keterangan lanjut sila rujuk H.C.O. 410/1340, *Malaya Borneo Exhibition*. Walaupun Terengganu merupakan negeri yang agak lambat menghantar hasil-hasil perusahaan ke peringkat M.B.E, namun dengan peranan penting yang dimainkan oleh badan tersebut, banyak pingat dan sijil yang diperoleh apabila menyertai pameran-pameran yang dianjurkan oleh M.B.E. Rujuk juga *S.U.K. Tr. 1291/1949, Terengganu Annual Report 1911-1937 Extract From*.
- ⁶⁵ Sebanyak \$40 telah diberikan kepada Seni dan Kraftangan Terengganu oleh Raja Kamarul-Zaman sebagai derma kepada badan tersebut. *SUK. Tr. 811/1352, Berkenaan Pekerjaan Memajukan Pertukangan Tangan*, 29 Januari 1934.
- ⁶⁶ *The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1922*. hlm. 12.
- ⁶⁷ *S.U.K. Kedah. 192/1351, Malayan Horticultural Exhibition 1932 at Kuala Lumpur*.
- ⁶⁸ Walaupun Dato' Seri Amar bukan keturunan diraja, namun disebabkan oleh kebajikan dan kepercayaan sultan terhadap beliau, maka beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menggalas tugas sebagai seorang menteri. Tugas seorang menteri yang dikatakan agak besar pada ketika itu berjaya digalas sehingga mampu menjadi seorang pentadbir yang amat berpengaruh. Malah, turut terbukti apabila beliau menerima anugerah *Commander of the British Empire* daripada kerajaan British pada 1925. *S.U.K.Tr. 100/1343, Keterangan Mengenai Pengurniaan Bintang Diraja Terengganu*. Rujuk juga *Annual Report of Terengganu*, 1927, hlm. 9.
- ⁶⁹ *SUK. Tr. 811/1352, Memorandum daripada The British Adviser kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dengan Kesejahteraan*, 9 Januari 1937.

- ⁷⁰ British Malaya, The Colony of The Straits Settlements and The Malay States Under British Protection, Namely The Federated States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang and The States of Johore, Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis and Brunie (A Report on The 1931 Cencus and on Certain Problems of Vital Statistics), hlm. 316.
- ⁷¹ Norita Deraman, *Keusahawanan*, hlm. 6.
- ⁷² Pejabat Sultan Istana Badariah Kuala Terengganu (1914-1945), L.O.T 404/1936: Contribution Towards The Kuala Terengganu Agri-Cultural Show. Memorandum daripada Collector of Land Revenue Kuala Terengganu kepada Dato' Seri Amar Diraja atas sumbangan yang diberikan, 29 Julai 1936.
- ⁷³ Temuramah dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, 26 Ogos 2012.
- ⁷⁴ "Kei" merupakan alat penting dalam kerja menenun kain. Kei (100 meter) juga disebut sebagai "Kek", "Ke" atau "Kei". Bentuk badan Kei diperbuat berdasarkan fungsi dan kegunaan. Terdapat dua bentuk asas yang dikenali sebagai 'Handloom' yang sering digunakan oleh penenun Sabah dan Sarawak. Floor loom pula umumnya digunakan oleh penenun Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Dalam kegiatan perusahaan, penggunaan "Kei" amat berkembang di Terengganu. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Norliza Ramli, Sejarah Tenunan Di Terengganu, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, universiti Pendidikan Sultan Idris, 2000/2001, hlm. 68.
- ⁷⁵ Menurut Puan Ramlah, pada ketika itu hiburan masih lagi terhad di Terengganu. Dengan terhasilnya bunyi alunan yang menarik melalui "torak dan kei" secara langsung memberikan ruang kepada mereka untuk berhibur di samping menyiapkan tempahan songket. Temuramah dengan Puan Ramlah Latif, 26 Ogos 2012.
- ⁷⁶ A. J. Sturrock (British Adviser Trengganu), Annual Report of the British Adviser Trengganu for the Years A.H. 1346 and 1347 (30th June 1927 to 18th June 1928) and (19th June 1928 to 7th June 1929), Singapore: Government Printing Office, hlm. 15.
- ⁷⁷ Temuramah dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, 26 Ogos 2012.
- ⁷⁸ *Textile Qoata* bermaksud menggalakkan import tekstil buatan British supaya pengeluarannya lebih maju dan mengurangkan import tekstil bukan buatan british ke Tanah Melayu. Sebelum ini Ottawa Treaty telah mengenakan cukai sebanyak 10 peratus kepada setiap volorem sutera, cotton dan kesemua jenis kain yang diimport tanpa menghiraukan punca pendapatan negeri pada ketika itu. Selepas perjanjian, mereka mula menjalankan kegiatan perdagangan secara bebas daripada wilayah British. Kemudiannya wujud pula "*Imperials Trade Preference Policy*" yang mana merupakan sebahagian daripada *Ottawa Treaty* yang mengecualikan kain-kain buatan British namun menyekat kesemua kain buatan Jepun dan China. Dengan penerimaan *Imperial Preference Policy* Penasihat British Kelantan dan Terengganu mengambil peluang untuk membuat permohonan pengecualian cukai terhadap perusahaan sarong Terengganu dan Kelantan. Ini kerana, di negeri tersebut kegiatan perusahaan sarong mula dipromosikan kerana kegiatan tersebut merupakan dasar utama kerajaan untuk mengubah dan menambahkan mata pencarian masyarakat tempatan di samping mengurangkan kadar kemiskinan dalam negeri. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Maznah Mohamad, *The Malay Handloom Weavers 'A Study of the Rise and Decline of Traditional Manufacture*, hlm. 253.
- ⁷⁹ SUK. Kedah 3018/1353, Division of Expenditure in Respect of the Administration of the Textile (Quotas) Ordinance 1934. Di dalam sumber ini telah dinyatakan bahawa Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu termasuk Negeri Terengganu telah diberikan pengecualian cukai dan dikhaskan di bawah "*Gazette Notification 3517*" ke atas setiap eksport tekstil yang dijalankan.
- ⁸⁰ BAK. Kelantan, Ask to Question of Remission of Trengganu duty on Kelantan Sarong Import into Trengganu.
- ⁸¹ S.T.T 316/46, Perbendaharaan Negeri Terengganu (Khazanah Besar) 1935-1943, 1945-1950, Department Comissioner Central Arts and Crafts Terengganu.

- ⁸² Cik Nik binti Ismail merupakan antara pengusaha songket benang emas dan Kain Tengkolok yang terkemuka dan beliau berjaya memenangi hadiah dalam pameran yang dianjurkan oleh MAHA pada 1928. Selain pengusaha wanita, terdapat juga pengusaha lelaki yang berjaya dalam kegiatan perusahaan tekstil. Menurut laporan MAHA 1928, Che Awang bin Omar merupakan antara pengusaha lelaki yang mampu menghasilkan tekstil Kain Telepok di Terengganu pada ketika itu. Malah, beliau turut memenangi hadiah dalam pameran yang dianjurkan oleh MAHA. Untuk keterangan lanjut sila rujuk CPR/M338, Agricultural MAHA Department - MAHA Magazine 1927-1941, hlm. 72.
- ⁸³ British Adviser Trengganu (B.A.T) 967/1938, Formation of Malay School Teachers Association Trengganu. Penubuhan Persekutuan Guru-guru Trengganu adalah bertujuan; mengangkat darjat guru-guru sebagai pemegang jawatan dalam kerajaan; memudahkan guru-guru untuk berbincang mengenai pelbagai isu seperti ekonomi sosial dan politik; membincangkan mengenai masalah pendidikan; mengalu-alukan penyertaan guru-guru dari negeri-negeri jajahan yang lain.
- ⁸⁴ The Malayan Agricultural Journal, Kuala Lumpur: Caxton Press LTD, Jil. 27, 1939, hlm. 167. Rujuk juga Fail A.C 451/1937, Perbendaharaan Negeri Terengganu (Khazanah Besar) 1935-1943, 1945-1950, Pertunjukan Barang-barang British Empire yang Diadakan di Scotland; Memorandum daripada British Adviser Trengganu kepada Yang Berhormat Ketua Khazanah Kerajaan Terengganu dengan Amat Kesejahteraannya, 7 November 1939.
- ⁸⁵ Sekolah Perempuan Tengku Ampuan Mariam telah ditubuhkan pada 4 Mac 1937. Segala perbelanjaan bagi membina Sekolah Perempuan Tengku Ampuan Mariam mini telah dibiayai oleh Tengku Mariam sendiri dengan jumlah sebanyak \$6,000 ringgit. Segala perbelanjaan telah diserahkan kepada Datuk Andika Datuk Luar Encik Kasim. Setelah siap dibina, sekolah tersebut telah dibuka secara rasmi oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dan Tengku Ampuan Mariam. Sila rujuk Arba'iyah Mohd Noor, 'Naskhah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu', hlm. 174. Rujuk juga Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Khlm. 137.
- ⁸⁶ B.A.T 995/1938, Teaching of handicraft in the Tengku Ampuan Meryam Girl School.
- ⁸⁷ P.W.D merujuk kepada *Public Works Department of Terengganu*. Untuk keterangan lanjut sila rujuk B.A.T. 54/1936, Public Works Department Advance for 1936.
- ⁸⁸ B.A.T. 651/1935, Kuala Trengganu Agricultural Show 1935, hlm. 2. Memorandum daripada Collector of Land Revenue Kuala Terengganu kepada British Adviser Terengganu, 8 Jun 1935.
- ⁸⁹ The Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA), The MAHA Magazine, Volume XI, No 1-4, 1941, hlm. 1.
- ⁹⁰ Ahmad Omar Ibrahim, *Joget Gamelan Terengganu dan Pahang*, Kuala Lumpur: Penerbitan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2005, hlm 17.
- ⁹¹ C.O 840/2, *Trengganu Sessional Paper 1910-1940*, hlm. 27. Rujuk juga *Annual Report Social and Economy Progress of the People of Trengganu for the Year, 1937*, Singapore: Government Printing Office, 1938, hlm. 31.
- ⁹² The Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA), The MAHA Magazine, hlm. 42.
- ⁹³ SEL: SEC:G 128/1935, Import Duty Charge by Others Malayan Administration on Brassware (Including Tembaga Puteh) Manufacture in Trengganu, Memorandum daripada A.J Gracie (Under Secretary to Government, Federated Malay States) kepada Secretary The High Commissioner for the Malay States, Singapura, 25 Mac 1935.
- ⁹⁴ CPR/M338, Agricultural MAHA Department - MAHA Magazine 1927-1941, hlm. 73.
- ⁹⁵ KELANTAN 517/1933, East Coast Copra Export-Forwards a Copy of Rate and Ask for Certain Information Regarding.
- ⁹⁶ H.C.O. C.H. SEL: 716/1922, Year Book of Agricultural Statistics for 1921 - Figures of Unfederated Malay States Import and Eksports Required by the President, Institut International Agriculture, Rome.

- ⁹⁷ Eksport kelapa kering ke Singapura pada tahun 1910 adalah sebanyak \$281,813; 1911 adalah sebanyak \$225,708; 1912 adalah sebanyak \$240,380; 1913 adalah sebanyak \$315,981. Data-data yang dinyatakan secara langsung menunjukkan nilai eksport kelapa kering ke Singapura mengalami peningkatan dari semasa ke semasa. Malah, dari sudut ini juga dapat dilihat bahawa permintaan komoditi kelapa kering sememangnya memperoleh permintaan yang tinggi oleh Negara-negara luar. Untuk keterangan lanjut sila rujuk *Terengganu Annual Report 1911-1937 (Extract From)*, hlm. 2.
- ⁹⁸ *Terengganu Annual Report*, 1913, hlm. 2.
- ⁹⁹ Warta Perusahaan Tanah, Jun 1931, hlm. 33.
- ¹⁰⁰ Peraturan Memperbaiki Keadaan Kelapa Kering Orang-orang di Semenanjung Tanah Melayu, 1930, hlm. 3.

Rujukan

SUMBER PRIMER

Laporan Tahunan

Terengganu Annual Report 1911-1937 (Extract From).

Terengganu Annual Report, 1913.

Annual Report of Terengganu, 1915.

The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1922.

Annual Report on the States of Trengganu, 1926.

Annual Report of Terengganu, 1927.

A. J. Sturrock (British Adviser Trengganu). *Annual Report of the British Adviser Trengganu for the Years A.H. 1346 and 1347 (30th June 1927 to 18th June 1928) and (19th June 1928 to 7th June 1929)*. Singapore: Government Printing Office.

British Malaya, The Colony of The Straits Settlements and The Malay States Under British Protection, Namely The Federated States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang and The States of Johore, Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis and Brunie (A Report on The 1931 Cencus and on Certain Problems of Vital Statistics).

Annual Report Social and Economic Progress of the People of Trengganu for the Year 1933.

Trengganu Annual Report, 1934.

Annual Report on the States of Trengganu 1936.

Report on The Unfederated Malay States (UMS) 1936, hlm. 26-27.

Annual Report Social and Economy Progress of the People of Trengganu for the Year, 1937

Warta Perusahaan Tanah

Warta Perusahaan Tanah, Jun 1931.

Peraturan Memperbaiki Keadaan Kelapa Kering Orang-orang di Semenanjung Tanah Melayu, 1930.

Mikrofilem

C.O. 840/2, Trengganu Sessional Paper.
CPR/ M 339, Agricultural Department- MAHA Magazine 1927-1941.

Surat Persendirian

Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, SP 6/39/58.
Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, SP 6/52.
Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, SP 6/39.
Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, SP 6/8.
Fail LKM (P) 8, Perusahaan Tembaga, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 1973.
S.C. 818/1360, Secondary Industries in Colonial Dependencies.
SP 12/50, Letter From Joseph Chamberlain to Frank A. Swettenham on Malay Handicraft, Surat Persendirian Joseph, 20 April 1896.
SP 18/2F. 87/27, Kongres Ketiga Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya.

Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

S.U.K. Tr. 1291/1949, Terengganu Annual Report 1911-1937 Extract From.
SUK. Tr. 811/1352, Berkenaan Pekerjaan Memajukan Pertukangan Tangan, 29 Januari 1934.
S.U.K. Tr. 100/1343, Keterangan Mengenai Pengurniaan Bintang Diraja Terengganu.

Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

S.U.K. Kedah. 192/1351, Malayan Horticultural Exhibition 1932 at Kuala Lumpur.
SUK. Kedah 3018/1353, Division of Expenditure in Respect of the Administration of the Textile (Quotas) Ordinance 1934

Fail Pejabat Sultan Istana Badariah Kuala Terengganu (1914-1945)

L.O.T 404/1936: Contribution Towards The Kuala Trengganu Agri-Cultural Show.

Fail British Adviser Kelantan (BAK)

BAK. Kelantan, Ask to Question of Remission of Trengganu duty on Kelantan Sarong Import into Trengganu.

Fail Setiausaha Kerajaan Selangor

SEL: SEC:G 128/1935, Import Duty Charge by Others Malayan Administration on Brassware (Including Tembaga Puteh) Manufacture in Trengganu.
H.C.O. C.H. SEL: 716/1922, Year Book of Agricultural Statistics for 1921

Fail Setiausaha Kerajaan Kelantan

KELANTAN 517/1933, East Coast Copra Export-Forwards a Copy of Rate and Ask for Certain Information Regarding.

Fail Perbendaharaan Negeri Terengganu (Khazanah Besar) 1935-1943, 1945-1950

S.T.T 316/46, Department Comissioner Central Arts and Crafts Terengganu.

A.C 451/1937, Barang-barang British Empire yang Diadakan di Scotland.

Fail British Adviser Trengganu (BAT)

BAT 967/1938, Formation of Malay School Teachers Association Trengganu.

B.A.T 995/1938, Teaching of handicraft in the Tengku Ampuan Meryam Girl School.

B.A.T. 54/1936, Public Works Department Advance for 1936.

B.A.T. 651/1935, Kuala Trengganu Agricultural Show 1935.

Temuramah

Temuramah dengan Haji Abdullah bin Muda (Pengusaha Perahu di Kampung Chendering Kuala Terengganu), 27 Ogos 2012.

Temuramah dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, 26 Ogos 2012.

SUMBER SEKUNDER

Buku

Ahmad Omar Ibrahim, 2005. *Joget Gamelan Terengganu dan Pahang*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 1998. *Kursus Berfikir Tinggi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd.

A. Samad Ahmad, 1986. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buyong Adil, 1982. *Sejarah Trengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Clifford., H, 1896. *East Coast Etching*. Singapore: Straits Times Press.

Farid Mat Zain, 2007. *Islam Di Tanah Melayu Abad Ke-19*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.

Gullick, J.M., 1987. *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*. Singapore: Oxford University Press.

Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, 2009. *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.

Mohd Fadzilah Kamsah dan Muhammad Zakaria, 2008. *Langkah Bijak Usahawan Terbilang*. Kuala Lumpur: Penerbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.

Mohd Saleh Hj. Awang (MISBAHA), 1968. *Sejarah Trengganu*. Trengganu: Mansor Printing Press.

Muhammad Salleh Haji Awang, Dato' Setia Jasa (MISBAHA), 1992. *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H (1942)*. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.

Norita Deraman, 2007. *Keusahawanan*, Shah Alam: Penerbitan Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Shaharil Talib, 1985. *After It's Own Image: The Trengganu Experience 1881-1941*. Singapore: Oxford University Press.

Sheppard., M, 1980. *Mekarnya Seni Pertukangan Malaysia*. Kuala Lumpur: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd.

Siti Zainon Ismail, 2009. *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Husin Ali, 2008. *Orang Melayu Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: IDID Supply & Seviles.

Bab Buku

- Abdullah Zakaria Ghazali, 1984. Keadaan Politik dan Sosioekonomi Terengganu Pada Kurun ke-19. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali (Editor). *Terengganu Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Muzium Malaysia.
- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Suffian Mansor, 2012. Proses Transisi Masyarakat Melayu di Tanah Melayu, 1880-1941: Reaksi Terhadap Perkembangan Kemajuan Infrastruktur dan Sistem Kesihatan Awam. Dalam Arba'iyah Mohd Noor (Editor). *Persada Jauhari*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Arasaratnam S., 1995. Factors in the Rise, Growth and Decline of Coromandel Ports Circa 1650-1720. Dalam Aldershot Gt (Editor). *Maritime Trade, Society and European Influence in Southern Asia 1600-1800*. Britain: Variorum Publication.
- Arba'iyah Mohd Noor, 2006. Naskhah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu. Dalam Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (Editor). *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Latihan Ilmiah

- Arba'iyah Ab. Aziz, 2010. Simbolisme Dalam Motif-motif Songket Melayu Terengganu. Tesis Ph.D, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mazdan Ali Amaran, 2011. Pembudayaan Keusahawanan Di Kalangan Graduan. Disertasi M.A., Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Norliza Ramli, 2000/2001. Sejarah Tenunan Di Terengganu. Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shahridan Faiez bin Mohideen Abdul Kader, 2001. Mipping Modernities in Trengganu: Nature, Islam and the Colonial States, 1850-1930. Tesis Ph.D, Wolfson College University of Cambridge.
- Siti Rahmah Mohd. Noor, 1977/1978. Sejarah Perkembangan 'Cottage Industries' di Trengganu Dari Abad Ke-18 Hingga Ke Tahun 1970-an. Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Koleksi Persidangan

- Ahmad Kamal Arrifin Mohd Rus, Abdul Rahman Tang Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansor, 2008. Era Kesedaran dan Peralihan. *Seminar Sejarah Nasional Malaysia*. Universiti Malaya, 27 November 2008.
- Amarjit Kaur, 1985. Kegiatan Masyarakat Melayu Dalam Ekonomi Pada Abad Ke-19: Satu Tinjauan. *Koloqium Masyarakat Melayu Abad Ke-19*. Bilik Mesyuarat Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia, 26 Oktober 1985.
- Siti Zainon Ismail, 1990. Terengganu Pusat Tenunan: Satu Pemerian Koleksi, Bengkel Pakaian dan Tekstil Melayu. *Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia*, 9 Disember 1990 sehingga 11 Disember 1990.

Jurnal

- Barlow., H.S., 2009. Boats, Boatbuilding and Fishing in Malaysia. *MBRAS* 27.
- Clifford., H. (nd). A Journey Through the Malay States of Trengganu and Kelantan. *The Geographical Journal* 9(1).
- Dunmore. J., 1973. French Visitors to Terengganu in The Eighteenth Century. *JMBRAS* XLVI(1).
- Hanapi Dollah, 1985. Ekonomi Politik Terengganu Prakolonial: Satu Analisis Mencari Feudalismenya. *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia (PURBA)* 4.
- Hill., G., 1949. Cargo Boats of The East Coast of Malaya. *JMBRAS* 22(3).
- Khoo Kay Kim, 1974. Kuala Trengganu: International Trading Centre. *Malaysia in History* 17(2).
- Lewis., D, 1970. Growth of the Country Trade to the Straits of Malacca 1760-1777. *JMBRAS* 43(2).
- Mohd Shukri Hanafi, 1992. Hubungan Terengganu-Thai Pada Masa Pemerintahan Baginda Umar (1839-1876). *PESAKA IV*, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Abdullah, 1985. Perahu Besar Terengganu. *PESAKA III*, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Pisol Maidin. Tukang Timbal Membina Perahu: Tradisi dan Inovasi. *SARI (Jurnal Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu)* 21(49).
- Sheppard., M, 1968. Baginda Omar The Qonqueror. *Malaysia In History* 12, Oktober 1968.
- Sheppard., M.C.ff., 1983. A Short History of Terengganu. *JMBRAS* 10(3).
- Skeat., W.W., 1973. The Cambridge University Expedition To The North-Eastern Malay States and to Upper Perak 1899-1990. *JMBRAS* 26(4).
- Syahril Talib, 1980/1981. Sejarah Trengganu Sebelum Penjajahan: Satu Pendekatan Sosial. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia (WARISAN)* 2.
-, 1939. *The Malayan Agricultural Journal*, Kuala Lumpur: Caxton Press LTD 27.
-, 1941. The Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA). *The MAHA Magazine* XI(1-4).
- Wan Abdul Kadir, 1993. Tradisi dan Kemodenan Budaya Ekspresif Di Kalangan Orang Melayu. *Jurnal Akademi Pengajian Melayu (Alam Melayu)* 1(1).

